

Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

6.1 Pengenalan Ekonomi Moden oleh Kuasa Barat di Negara Kita

1 Apakah ciri-ciri ekonomi moden?

MS Tek
138

- I Modal besar
- II Teknologi moden
- III Pengeluaran sara diri
- IV Penggunaan binatang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Maklumat yang berikut berkaitan dengan kawasan perlombongan di Sabah.

MS Tek
139

Sungai Segama

Apakah kegiatan perlombongan yang dijalankan di kawasan tersebut?

- A Emas
- B Perak
- C Bijih besi
- D Bijih timah

3 Pernyataan berikut berkaitan dengan perkembangan ekonomi pada penghujung abad ke-19.

MS Tek
141

Kejatuhan harga kopi di pasaran dunia

Apakah sebab berlakunya situasi tersebut?

- I Penurunan kualiti
- II Serangan penyakit
- III Pengeluaran berlebihan
- IV Persaingan dengan pengeluaran teh
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4 Mengapakah Dinasti Brooke tidak menggalakkan pembukaan ladang getah oleh syarikat asing di Sarawak?

MS Tek
141

- A Dasar kerajaan
- B Bayaran cukai rendah
- C Tidak menguntungkan syarikat
- D Melindungi kepentingan ekonomi tempatan

5 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan dalam pertanian getah.

MS Tek
143

Sistem torehan tulang ikan hering

Apakah kepentingan sistem torehan tersebut?

- A Mudah
- B Kos murah
- C Penggunaan buruh sedikit
- D Memanjangkan hayat pokok

6.2 Pentadbiran Barat Berkaitan dengan Ekonomi

6 Maklumat berikut adalah tentang perundangan di Sarawak menjelang abad ke-19.

MS Tek
146

- Land Order 1931
- Land Settlement Order 1933

Apakah persamaan kedua-dua perundangan tersebut?

- A Melindungi hak peribumi
- B Mengetatkan kemasukan imigran
- C Melonggarkan syarat memiliki tanah
- D Mengandungi syarat-syarat pembelian tanah

7 Maklumat berikut berkaitan undang-undang tanah yang dilaksanakan di Sabah pada tahun 1889.

MS Tek
146

Proklamasi III Perlindungan Hak Peribumi

Siapakah yang diberikan kuasa untuk menjaga hak milik tanah peribumi?

- A Anak negeri
- B Gabenor British
- C Pegawai Daerah
- D Orang Kaya-Kaya

8 Apakah tujuan penubuhan Tabung Imigran India pada 1908?

MS Tek
147

- A Menawarkan pinjaman
- B Menjaga kebajikan imigran
- C Mencarikan majikan baharu
- D Memberikan perjalanan percuma

9 Buruh dari China dibawa masuk ke Tanah

MS Teks
147

Melayu melalui

- A Sistem Kangani
- B Sistem Kontrak
- C Sistem Rumah Kongsi
- D Sistem Pembelian Tiket

10 Mengapakah pihak British menubuhkan Lembaga Pesuruhjaya Wang pada tahun 1897?

MS Teks
149

- A Mengawal bekalan wang
- B Mengeluarkan mata wang kertas
- C Menubuhkan sistem perbankan barat
- D Mengawal masalah kemelesetan ekonomi

6.3 Kesan Ekonomi Akibat Pentadbiran Barat di Negara Kita

11 Pernyataan berikut adalah tentang pembinaan landasan kereta api di Sabah.

MS Teks
151

Pada tahun 1900, landasan kereta api dibina untuk menghubungkan Beaufort dengan Jesselton dan Tenom

Apakah tujuan pembinaan landasan kereta api di Sabah?

- A Kegunaan domestik
- B Mengangkut hasil galian
- C Pembukaan ladang getah
- D Menghubungkan bandar utama

12 Apakah kesan daripada pembinaan jaringan jalan raya di Negeri-negeri Melayu?

MS Teks
151

- A Penggunaan kenderaan meningkat
- B Petempatan baharu dibuka
- C Kesesakan jalan raya
- D Pentadbiran licin

13 Apakah tujuan pengenalan kapal susur pantai di Negeri-negeri Melayu?

MS Teks
152

- A Membawa penumpang
- B Mengangkut bahan mentah
- C Membawa bekalan makanan
- D Mengangkut kelengkapan tentera

14 Apakah kemudahan telekomunikasi yang disediakan di Sabah oleh pihak SBUB?

MS Teks
153

- I Pos
- II Radio
- III Telegraf
- IV Telefon rumah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6.4 Kesan Sosial Akibat Perkembangan Ekonomi di Negara Kita

15 Apakah kegiatan yang dijalankan di bandar-bandar berikut?

MS Teks
154

- Ipoh
- Seremban
- Kuala Lumpur

- I Perniagaan
- II Pentadbiran
- III Pangkalan tentera
- IV Pelabuhan entrepot
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Apakah faktor perkembangan bandar Miri di Sarawak?

MS Teks
155

- A Perlombongan
- B Penanaman getah
- C Pusat pentadbiran
- D Pertanian komersial

17 Pentadbiran ekonomi British telah membawa kepada kewujudan masyarakat majmuk di negara kita.

MS Teks
156

Apakah nilai yang harus diamalkan dalam membentuk keharmonian dalam masyarakat?

KBAT

- A Bertoleransi
- B Mengamalkan tradisi
- C Kreatif dalam pemikiran
- D Mempertahankan warisan bangsa

18 Mengapakah Kolej Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan pada 1905?

MS Teks
159

- A Melahirkan guru Melayu
- B Melahirkan pentadbir Melayu
- C Memisahkan golongan raja dan rakyat
- D Melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi

19 Maklumat berikut berkaitan dengan kemudahan kesihatan yang disediakan oleh pihak British.

MS Teks
162

Sanitary Board

Apakah tujuan penubuhan tersebut?

- A Menjaga kecantikan bandar
- B Menjaga kebersihan bandar
- C Mengawal penyakit merebak
- D Memantau kesihatan penduduk

20 Maklumat berikut adalah tentang kesan pentadbiran British dari segi sosial.

MS Toks
163

- Masyarakat majmuk
- Pendidikan vernakular

Apakah implikasi daripada perubahan tersebut?

- A Dasar kerajaan telah tercapai
- B Proses merdeka menjadi mudah
- C Menyukarkan proses perpaduan
- D Kepelbagaian bahasa dan agama